


Hak Pekerja yang Perlu Diambil Tahu

Keselamatan anda semasa berada di tempat kerja adalah dilindungi di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA). Akta ini telah memberikan panduan tentang peraturan berkaitan keselamatan, kesihatan, kebajikan pekerja, persekitaran kerja mereka dan sebagainya.



Akta Kerja 1955 (Pindaan 2012) juga telah memberikan garis panduan bahawa pekerja wanita dihalang daripada melakukan pekerjaan berikut

- Kerja bawah tanah
- Bekerja di sektor perusahaan atau pertanian di antara pukul 10.00 malam sehingga 5.00 pagi. Ia adalah larangan yang muktamad dan tiada pengecualian yang akan diberikan.

Menurut Akta Kerja 1955 (Pindaan 2012), majikan tidak boleh menghentikan anda dari kerja sewenang-wenangnya tanpa notis dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang.

Menurut Akta Kerja 1955 (Pindaan 2012), majikan atau pekerja boleh menamatkan kontrak perkhidmatan tanpa memberi sebarang notis dalam keadaan seperti yang dinyatakan dibawah:

- Membuat bayaran indemniti ganti notis
- Sekiranya syarat kontrak telah dilanggar secara sengaja

Menurut Akta Kerja 1955 (Pindaan 2012), berapa jumlah cuti rehat untuk setahun adalah bergantung kepada majikan yang mempunyai kuasa untuk membuat penetapan.

Menurut Akta Kerja 1955 (Pindaan 2012), jika anda diarahkan untuk bekerja lebih masa, berikut adalah kadar bayarannya:

- Untuk hari kerja biasa, anda perlu dibayar 1 1/2 kali kadar gaji sejam
- Untuk hari cuti, anda perlu dibayar 2 kali kadar gaji sejam
- Untuk hari cuti umum, anda perlu dibayar 3 kali kadar gaji sejam

Menurut Akta Kerja 1955 (Pindaan 2012), jika anda diarahkan untuk bekerja pada hari cuti, anda perlu dibayar gaji dengan kadar gaji anda untuk sehari.